

Lawatan Najib langkah berani
Utusan Online
30 Januari, 2013
Oleh Hussaini Amran

GAZA 29 Jan. - Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniyeh menyifatkan lawatan rasmi rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Gaza baru-baru ini sebagai satu langkah politik yang berani.

Beliau berkata, Najib juga merupakan ketua kerajaan bukan Arab yang pertama mengunjungi negaranya.

Jelasnya, lawatan Najib pada 22 Januari lalu lebih bermakna kerana diadakan pada tarikh yang sama dengan lawatan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu ke Baitulmaqdis.

Dalam lawatannya, Najib turut membawa bersama mesej yang ingin disampaikan oleh rakyat Malaysia iaitu mereka akan sentiasa menyokong perjuangan rakyat Palestin.

Sebaliknya, kami menolak kunjungan Netanyahu dan kami menegaskan bahawa bumi Palestin adalah milik umat Islam dan orang Arab," katanya ketika menerima kunjungan delegasi Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM), di sini semalam.

Delegasi itu diketuai Pengerusi Majlis Pemegang Amanah PCOM, Datuk Seri Shahidan Kassim; Ahli Majlis Pemegang Amanah PCOM, Datuk Abdul Latiff Mirasa; bekas Mufti Perlis, Prof. Madya Datuk Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin; Pengerusi PCOM, Muslim Abu Umar serta Pengarah Koordinasi dan Program PCOM, Jismi Johari.

Turut hadir Timbalan Menteri Luar Palestin, Ghazi Hamad dan menteri serta timbalan menteri Kabinet Palestin yang lain.

Pada pertemuan itu, Ismail turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman projek al-Quran Mushaf Palestin antara PCOM, Yayasan Restu dan Pihak Berkuasa Palestin di Gaza.

Tambah Ismail, lawatan rasmi Najib memberi petunjuk jelas tentang keprihatinan rakyat Malaysia terhadap isu Palestin dan desakan mereka agar Israel menghentikan kepungan di Gaza.

Berhubung projek al-Quran Mushaf Palestin, kata beliau, pihaknya mengalu-alukan projek tersebut yang bakal membawa keberkatan kepada semua.

Ismail turut menyatakan penghargaan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia kerana memberikan kerjasama terbaik kepada semua warga Palestin yang berada di Malaysia.

Kami berharap hubungan persaudaraan Islam antara Palestin dan Malaysia semakin kukuh.

Insyallah, satu hari nanti kita akan dapat menunaikan solat bersama-sama di bumi Jerusalem yang dimulihkan dengan peristiwa Israk Mikraj Nabi Muhammad SAW," katanya.

Sementara itu, Shahidan berkata, hasil pertemuannya dengan beberapa kementerian di Palestin, PCOM mengenal pasti bentuk bantuan yang perlu disalurkan kepada penduduk Gaza. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130130/dn_10/Lawatan-Najib-langkah-berani